

**Bapa Saudara Sultan Selangor Tengku Azman Shah Mangkat**  
**Bernama**  
**23 Mac, 2014**

SHAH ALAM, 23 Mac (Bernama) -- Bapa saudara Sultan Selangor Tengku Azman Shah, 84, mangkat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dekat sini pukul 2.31 petang ini.

Setiausaha Dewan Diraja Selangor Hanafisah Jais dalam satu kenyataan hari ini berkata jenazah Tengku Azman telah dibawa ke Istana Alam Shah, Klang, kira-kira pukul 5 petang.

Beliau berkata jenazah akan disembahyangkan di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah pada pukul 10.30 pagi esok sebelum dimakamkan di Makam Diraja, Klang dengan penuh adat istiadat Diraja Selangor.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1024149>